

03 JAN 2000

MT BINCANG SYOR PECAT LIMA ANGGOTA DAN TARIKH MESYUARAT AGUNG PARTI

KUALA LUMPUR, 3 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi ini mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Mesyuarat itu difahami antara lain akan membincangkan syor pemecatan lima anggota parti yang menyokong parti lawan pada pilihan raya lepas serta tarikh bagi perhimpunan agung dan pemilihan parti.

Syor memecat lima anggota Umno itu dibuat Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno yang dipengerusikan Naib Presiden parti Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden.

Daripada lima orang itu dua orang menjadi calon PAS, masing-masing di kawasan Parlimen Setiu, Terengganu dan di Kota Belud, Sabah, manakala tiga lagi menjadi pencadang calon parti lawan di Sabah.

Mesyuarat juga dijangka membincangkan cadangan supaya tarikh perhimpunan agung tahunan dan pemilihan parti tahun ini dipercepatkan.

Cadangan itu dikemukakan Abdullah bulan lepas memandangkan ada di kalangan anggota Umno yang sudah berkempen untuk mendapatkan jawatan MT.

Tarikh perhimpunan agung Umno sepatutnya dibincangkan pada mesyuarat MT lepas tetapi memandangkan banyak perbincangan dibuat mengenai keputusan pilihan raya, maka mesyuarat tidak sampai kepada agenda mengenai perhimpunan itu.

-- BERNAMA

AKT